



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CADANGAN NAIK HARGA BPT BELUM MUKTAMAD, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TRANSFORMASI SANGKAR KAYU KE TEKNOLOGI HDPE, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA TERUS CATAT KECEMERLANGAN, SINAR HARIAN, M/S – 7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	USAHA EMPAT SAHABAT HASIL BOT NELAYAN BERTEKNOLOGI TINGGI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	LAIN-LAIN
5.	CONTROLLED DEEPAVALI PRICES FOR NINE ESSENTIAL GOODS UNDER SHMMP, NATION, THE STAR, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	KUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	16

Kuala Lumpur: Kerajaan belum memuktamadkan keputusan berhubung cadangan menaikkan harga beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 kepada RM3.60 sekilogram, seperti dikemukakan pihak industri.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Kementerian sebaliknya sedang membuat penilaian impak, termasuk ke atas golongan pengguna berpendapatan rendah.

Beliau juga memberi jaminan sebarang keputusan berkaitan BPT akan mengambil kira kepentingan semua pihak, meli-

Cadangan naik harga BPT belum muktamad

puti pesawah, pengguna dan pemain industri.

Justeru, katanya, diharapkan segala usaha yang sedang dilaksanakan bakal meraih sokongan semua pihak demi kebaikan dan masa depan industri padi serta beras negara, termasuk keterjaminan makanan negara.

"Kementerian akan mengemukakan cadangan mengenai hala tuju pembekalan beras putih dalam masa terdekat untuk pertimbangan kerajaan.

"Ia akan mengambil kira kos pengeluaran padi dan beras, semakan harga kawalan BPT, trend pasaran, kerangka perundangan serta kesan kepada pengguna sebagai usaha penyelesaian jangka panjang bagi keseimbangan industri berkenaan," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau)** mengenai objektif Kementerian

menaikkan harga BPT dan cadangan membayar insentif sebanyak RM200 sebulan sebelum penuaian padi, selaras pelan menaikkan harga beras tempatan.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan sudah melaksanakan pemberian Bantuan Khas Sumbangan Tunai (BKST) bernilai RM600 kepada pesawah pada 2023 dan 2024, sebagai antara inisiatif meringankan beban sara hidup golongan itu.

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Parit Buntar

Bermula sebagai penternak ikan kecil-kecilan bermodalkan sangkar kayu empat tahun lalu, kini Leng Ching Kiam, 43, berjaya meraih hasil lumayan.

Leng berkata, berbekal pengalaman sebagai penternak ikan sejak muda, dia memulakan perusahaannya akuakultur sendiri di perairan Kuala Kurau di sini pada Februari 2022.

Pada peringkat awal, katanya, dia menggunakan sangkar kayu tradisional dengan sekitar 60 petak bagi menampung ternakan seperti ikan merah dan bawal emas.

"Namun, cabaran cuaca buruk dan ombak kuat menyebabkan kayu cepat reput apabila terendam dalam air masin.

"Setiap kali ribut, kami perlu tukar papan dan paku menyebabkan kos penyelenggaraan menjadi sangat tinggi," katanya.

Bimbang terhadap situasi itu, bapa dua anak ini sedar keperluan beralih kepada teknologi moden seperti sangkar bulat High Density Polyethylene (HDPE) yang lebih tahan lama dan selamat.

Bercerita lanjut, Leng berkata, dia mengimport laman unit sangkar bulat HDPE dari China ke per-

PENGUSAHA AKUAKULTUR MAMPU TUAI HASIL 20 TAN METRIK SETIAP HARI

Transformasi sangkar kayu ke teknologi **HDPE**



LENG menternak ikan sangkar di perairan Kuala Kurau.



AKTIVITI mengangkat ikan yang sudah matang untuk dipasarkan kepada pemborong.

Dia mengakui menerima pelbagai bentuk bimbingan dan sokongan Jabatan Perikanan Perak, khususnya dari segi latihan serta bantuan insentif.

"Pada awal tahun ini, Jabatan Perikanan meluluskan insentif RM500,000 di bawah Program Pembangunan Integrasi Akuakultur.

"Dana itu digunakan bagi menampung sebahagian besar kos pelaburan awal termasuk pembelian sangkar HDPE, bot vessel dan peralatan operasi," katanya.

Dia menjelaskan, bantuan serta sokongan itu membuktikan komitmen Jabatan Perikanan Perak sebagai agensi peneraju dalam agenda Keterjaminan Makanan di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 cetuskan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Leng berkata, syarikatnya turut memperoleh pensijilan Amalan Akuakultur Baik (GAQP) daripada Jabatan Perikanan.

Pengiktirafan itu menandakan perusahaannya mematuhi piawaian kebersihan, keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar.

Berkongsi perancangannya, Leng mahu memperluas pasaran ke seluruh Malaysia dan dalam jangka panjang menembusi pasaran eksport.

airan Kuala Kurau pada Mac 2023.

"Tempoh penternakan bawal emas mengambil masa enam hingga lapan bulan, manakala ikan merah pula dua tahun.

"Aktiviti penuaian dilakukan hampir setiap hari dengan setiap sangkar mampu mengeluarkan anggaran 15 hingga 20 tan metrik.

"Ikan-ikan ini dipasarkan ke pemborong di Perak dan Pulau Pinang," katanya yang turut membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada 20 penduduk tempatan.

FAMA terus catat kecemerlangan

Raikan ulang tahun ke-60, FAMA nadi utama pembangunan sektor agro makanan negara



Meniti usia 60 tahun penubuhannya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kekal sebagai peneraju utama pemasaran hasil tani negara melalui pendekatan lebih mesra petani, usahawan dan berorientasikan data.

Sejak ditubuhkan pada 30 September 1965, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) itu terus menggalas tanggungjawab besar memastikan kestabilan bekalan makanan, memperkukuh ekonomi agromakanan tempatan serta mendukung matlamat kerajaan ke arah kedaulatan makanan negara.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri, berkata penubuhan agensi itu pada era Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein merupakan langkah strategik membela nasib petani yang ketika itu berdepan manipulasi orang tengah dalam urusan jual beli hasil pertanian.

"Pada waktu itu, pemberi pinjaman atau orang tengah sering mengambil kesempatan terhadap petani dan nelayan. Mereka membekalkan modal serta peralatan, tetapi memaksa hasil dijual kembali kepada mereka pada harga rendah," katanya.

Beliau berkata demikian pada program interviu bertajuk Sambutan Ulang Tahun FAMA ke-60 dihoskan oleh Haizir Othman yang diadakan di ibu pejabat *Sinar Harian*, Shah Alam baru-baru ini.

FAMA ditubuhkan bagi memastikan hasil pertanian dibeli dengan harga berpatutan dan tidak dimanipulasi pihak tertentu.

Dalam konteks itu, FAMA menjadi pembeli, pemproses dan pengedar utama hasil tani iaitu satu pendekatan yang menstabilkan pasaran dan melindungi kepentingan pengeluar kecil.

Pasar Tani bukti kejayaan berterusan

Sejak enam dekad lalu, pelbagai inisiatif diperkenalkan FAMA, termasuk penubuhan Pasar Tani pada tahun 1985 yang membolehkan pengeluar menjual terus hasil mereka tanpa melalui orang tengah.



Abdul Rashid (kanan) dalam program interviu yang dihoskan oleh Haizir di ibu pejabat *Sinar Harian* di Shah Alam pada Selasa.

Kini terdapat lebih 239 lokasi pasar tani di seluruh negara dengan jualan melebihi RM330 juta setahun, manakala Pasar Tani Kekal yang beroperasi setiap hari telah dibuka di 37 lokasi, dengan dua lagi sedang dibangunkan.

"Pasar Tani Kekal memberi ruang kepada petani menjual hasil sepanjang masa, bukan sekadar pada hujung minggu. Konsep ini telah membina ekosistem pemasaran yang stabil," jelas Abdul Rashid.

Baru-baru ini, sambutan Ulang Tahun ke-40 Pasar Tani diraikan pada 26 September 2025 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan FAMA dalam memperkukuh rantaian pemasaran hasil tani.

Program Agro Madani bantu kurangkan kos sara hidup

Menurut Abdul Rashid, FAMA turut memperkenalkan Program Agro Madani, kesinambungan daripada program Jualan Terus Dari Ladang, bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), sebanyak 12,900 program jualan dilaksanakan sepanjang 2023 hingga 2024 melebihi sasaran 10,000 yang ditetapkan kerajaan.

"Program ini menawarkan potongan harga sehingga 30 peratus berbanding harga pasaran, memberi manfaat dua hala iaitu petani memperoleh keuntungan



ABDUL RASHID

lebih baik, manakala pengguna menikmati harga berpatutan.

"Program ini kini diperluas ke kawasan pejabat, kilang serta tapak jualan FAMA. Selepas setahun, kami berjaya mempelbagaikan sumber bekalan dan tiada lagi isu kekurangan stok seperti sebelum ini," ujar beliau.

Beliau berkata, kajian FAMA menunjukkan lebih 80 peratus peserta program terdiri daripada petani dan usahawan kecil menyatakan kepuasan terhadap hasil jualan yang meningkat.

Fokus RMK-13: Data, digital dan kedaulatan makanan

Menurut Abdul Rashid, FAMA kini menumpukan kepada pendigitalan data dan sistem pemasaran bersepadu sebagai teras baharu di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Jika RMK-11 menekankan kecekapan rantaian bekalan dan RMK-12 menumpukan pendigitalan perkhidmatan, tumpuan RMK-13

ialah pengukuhan pemasaran berasaskan data bagi menjamin kedaulatan makanan negara.

"Kami membangunkan sistem pengumpulan data bersepadu untuk memastikan keputusan dibuat berdasarkan analisis pasaran sebenar, bukan anggaran," katanya.

FAMA juga memperkukuh program Ladang Kontrak, memberi jaminan pembelian hasil kepada petani selain membuka peluang eksport menerusi platform Agrobazaar Online dan jaringan antarabangsa.

"Kita mahu petani bukan sekadar menjual di pasaran tempatan, tetapi mampu menembusi pasaran luar. Ini penting kerana defisit import makanan negara semakin besar dan perlu ditangani secara serius," tambah beliau.

Jubli Intan FAMA: 60 tahun bersama rakyat

Sebagai tanda penghargaan terhadap enam dekad perkhidmatan, Sambutan Jubli Intan FAMA akan diadakan pada 24 hingga 26 Oktober ini di RTC Gopeng, Perak, dijangka dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak.

Majlis itu bakal menampilkan pameran perjalanan FAMA sejak penubuhannya, jualan khas berkonsepkan angka '60' dan perkongsian kisah kejayaan usahawan tani bimbingan agensi berkenaan.

"Sebagai contoh, jualan Kombo Madani yang biasanya berharga RM15 akan ditawarkan pada harga RM6 secara berjadual. Kami ingin orang ramai dan pelanggan FAMA sama-sama merayakan kejayaan ini," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid menyeru semua rakyat Malaysia agar terus menyokong produk tempatan demi memastikan agenda keterjaminan makanan negara dapat dicapai.

"Sokongan pengguna terhadap petani, nelayan dan pengeluar tempatan amat penting. Hanya dengan solidariti ini, sektor agro makanan kita dapat terus kukuh dan berdaya saing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Usaha empat sahabat hasil bot nelayan berteknologi tinggi

KUALA TERENGGANU: Minat mendalam terhadap dunia perkapalan dan pengalaman lebih dua dekad dalam industri luar pesisir mendorong empat sahabat melabur jutaan ringgit bagi membina bot nelayan moden pertama di negara ini yang diperbuat daripada aluminium marin berteknologi tinggi dari Greece serta Rusia.

Bot laut dalam bernilai RM2.8 juta itu dibangunkan hasil usaha sama jurutera berpengalaman, Azmir Abdullah, 50, bersama tiga rakan kongsi berlainan latar belakang iaitu Zubir Abu Bakar, 51; Badrol Hisham Mat Ali, 57, dan Aduka Mohd. Ariffin, 60, di Kampung Wakaf Tengah sebelum dibawa ke Kampung Bukit Tumbuh, semalam untuk pemasangan enjin.

Pembinaan bot dimulakan pada Mei tahun lalu dan kini dalam fasa akhir pemasangan enjin, sebelum dijangka siap sepenuhnya pada Mac tahun depan.

Azmir berkata, idea membina bot tersebut tercetus hasil rujukan kepada rekaan *lobster boat* dari Kanada yang terkenal dengan kestabilan dan ciri keselamatan tinggi.

"Rekaan ini membolehkan bot bertahan sehingga 100 tahun sekiranya tiada perlanggaran besar berlaku. Malah, penggunaan aluminium marin sebagai bahan utama menjadikan bot lebih tahan lasak,



BOT nelayan moden yang diperbuat daripada aluminium marin kini dalam proses pemasangan enjin di jeti nelayan Kampung Bukit Tumbuh, Kuala Terengganu. - UTUSAN/ERMA YUSNIDA JUSOH

antikarat dan memerlukan penyelenggaraan minimum berbanding bahan tradisional seperti fiber atau kayu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Bot berkenaan berukuran 16 meter panjang, 4.88 meter lebar dengan kedalaman 2.2 meter dan draf 1.3 meter selain dilengkapi enjin tunggal berkuasa 500 kuasa kuda serta mampu mencapai kelajuan maksimum 18 knot.

Beliau berkata, dengan berat sembilan tan metrik, bot itu boleh menjelajah sejauh lebih 60 batu nautika serta membawa

bekalan minyak sehingga satu tan.

"Dibina khusus untuk operasi menangkap ikan bubu laut dalam, bot ini turut menyediakan pelbagai kemudahan moden seperti bilik tidur berhawa dingin untuk enam kru, dapur, tandas dan peti sejuk beku," katanya.

Azmir berkata, pihaknya kini bersedia untuk menerima tempahan daripada individu atau syarikat yang berminat memiliki bot nelayan moden seumpamanya yang julung kali dihasilkan di negara ini.

CONTROLLED DEEPAVALI PRICES FOR NINE ESSENTIAL GOODS UNDER SHMMP

PETALING JAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has reaffirmed its commitment to protecting consumers against unreasonable price hikes by unethical traders, including producers and wholesalers.

This comes after the ministry recently announced the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) in conjunction with the upcoming Deepavali celebration next week.

The scheme, which will run until Oct 22, covers nine types of essential goods nationwide: imported mutton (with bone), tomatoes, red chillies, whole coconut (maximum price applicable at the wholesale level), grated coconut (maximum price applicable at the retail level), small red onions and rose onions (from India), large imported onions and Australian dhal beans.

According to Minister Datuk Armizan Mohd Ali, retailers are required to display pink price tags for controlled items, sell them at or below the set maximum price and ensure there is sufficient stock.

He added that enforcement officers will be deployed to monitor compliance throughout the implementation period.

"The government expects full compliance from traders. Those who fail to follow the regulations under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 will face stern action."

Penalties for violating the price control regulations include fines of up to RM100,000, imprisonment of up to three years, or



Armizan presenting the nine types of essential items under the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) after holding a press conference at the Sabah International Convention Centre (SICC) recently.



A customer choosing coconuts at a hypermarket in Taman Teratai, Johor Baru. The SHMMP will run until Oct 22, and covers nine types of essential goods nationwide including whole coconut (maximum price applicable at the wholesale level) and grated coconut (maximum price applicable at the retail level). — THOMAS YONG/The Star

both for individuals, while companies may be fined up to RM500,000.

Those who fail to display pink price tags can be fined up to RM10,000 for individuals and RM20,000 for companies, or face compound fines of up to RM5,000 and RM10,000 respectively.

According to Armizan, the criteria for selecting the items focused around essential goods commonly used during Deepavali and the affordability for customers including fresh produce, vegetables and dry goods.

"Price determination takes into account factors such as supply availability, current costs, import prices, weather conditions and other relevant factors."

"KPDN also consults strategic partners such as the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM), related government agencies, and industry stakeholders in setting the prices and list of controlled items."

He added, "KPDN will continue working closely with KPKM and other agencies to ensure sufficient supply throughout the implementation

period.

"With strong cooperation from all parties, SHMMP will benefit both traders and consumers, ensuring a fair and meaningful festive celebration for everyone," said Armizan.

Consumers can compare prices of essential goods in their areas through the PriceCatcher app, available on the Apple App Store and Google Play.

Members of the public who encounter price manipulation can lodge complaints via WhatsApp at 019-848 8000, call the hotline at 1-800-886-800,

email e-aduan@kpdn.gov.my or use the Ez ADU KPDN mobile application.

KPDN takes seriously any complaints involving issues of supply and pricing of goods.

Every complaint received will be acted upon immediately, and an investigation will be carried out within 24 hours.

For more information and a complete price list of SHMMP Deepavali, the public can visit www.kpdn.gov.my or follow KPDN's official social media platforms.